



15 APR, 2023

## Rakyat mahu penyelesaian bukan alasan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

### Minda Pengarang

NIZAM ABDUL HAMID



## Rakyat mahu penyelesaian bukan alasan

KELMARIN, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan akan menambah 1,000 lagi lokasi Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan menjadikannya sebanyak 2,000 lokasi pada tahun ini demi membantu pengguna mendapatkan harga barangan lebih rendah dari pasaran.

Langkah itu diumumkan selepas beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) Bilangan 1 bagi tahun 2023, di Putrajaya.

Jualan menerusi inisiatif Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu dijangka memberi manfaat kepada peniaga kerana barangan dijual dibawa terus daripada sumber bekalan manakala pengguna pula berpeluang menikmati harga yang munasabah.

Sebenarnya apa yang diumumkan Perdana Menteri itu adalah inisiatif yang rakyat mahu kerajaan lakukan dalam menyelesaikan pelbagai isu termasuk kos sara hidup ketika ini. Rakyat bukan mahu mendengar alasan seperti masalah yang dihadapi hari ini adalah warisan kerajaan terdahulu.

Alasan itu hanya dilihat mahu melepaskan diri. Tolak tepi isu rasuah dan penyelewengan, banyak perkara lain yang dikatakan sebagai masalah itu sebenarnya satu dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan selepas melalui tapisan, kajian dan penelitian yang mendalam.

Malah satu ketika dulu ia disifatkan sebagai satu dasar yang betul malah unjuran kewangan juga dibuat untuk menjayakannya. Antara dasar itu adalah menambah lebih banyak universiti awam dan swasta termasuk mengambil ramai pelajar perubatan. Bidang perguruan juga boleh diikuti di hampir semua universiti.

Malangnya dasar dan unjuran yang dibuat sebelum ini seperti berhadapan masalah apabila kerajaan dan peneraju kementerian berkaitan bertukar tangan.

Lebih-lebih lagi apabila timbul keadaan seperti berlaku lambakan graduan perubatan dan juga perguruan apabila ramai gagal mendapat tempat. Kerajaan memberi alasan, tidak mampu mengambil lebih ramai doktor secara tetap kerana kos yang tinggi, malah graduan perguruan juga ramai yang belum mendapat tempat di sekolah-sekolah.

Sedangkan semua tahu, berlaku kekurangan doktor di hospital kerajaan, guru juga tidak mencukupi. Sektor makanan juga berhadapan isu apabila harga barang terus meningkat dan berlaku pula kekurangan bekalan dalam pasaran.

Adalah tidak adil juga untuk menyalahkan apa yang dikatakan 'masalah warisan' itu kerana kebiasaannya ia dibuat secara konsensus antara pemimpin kerajaan, pegawai kanan kerajaan, tenaga pakar dan pandangan cendekiawan juga diambil.

Sepatutnya siapa sahaja yang menerajui kerajaan, setiap masalah yang timbul perlu diselesaikan sebaik mungkin dan satu perkara yang sepatutnya mereka fahami adalah setiap perubahan serta reformasi ke arah kebaikan sudah semestinya melibatkan kos dan ia akan terus bertambah.

**Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia**



15 APR, 2023

## Rakyat mahu penyelesaian bukan alasan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KELMARIN, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan akan menambah 1,000 lagi lokasi Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan menjadikannya sebanyak 2,000 lokasi pada tahun ini demi membantu pengguna mendapatkan harga barangan lebih rendah dari pasaran. Langkah itu diumumkan selepas beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) Bilangan I bagi tahun 2023, di Putrajaya.